

22/11/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham mempamerkan peningkatan membanggakan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) semalam kerana terdapat minat belian yang teguh terhadap saham mewah pada sesi petang.

Pada jam 5 petang, Indeks Komposit (IK) yang mengandungi 100 saham bermutu naik 4.37 peratus kepada 560.09, naik 23.47 mata.

Indeks Emas yang mengesan semua saham di Papan Utama menambah 5.12 mata kepada 154.29, Indeks Perusahaan meningkat 31.72 mata kepada 1,118.58 dan Indeks Papan Kedua naik 3.95 mata kepada 262.25.

Saham untung mendahului rugi sebanyak 519 berbanding 230 manakala 76 kaunter tidak berubah dan 76 yang lain tidak diniagakan.

Jumlah dagangan di Papan Utama semalam adalah 441.771 juta saham RM1.063 bilion berbanding 431.654 juta saham RM1.131 bilion kelmarin.

Jumlah dagangan di Papan Kedua pula meningkat kepada 43.108 juta saham RM146.369 juta daripada 42.748 juta saham RM140.677 juta sebelumnya.

Dagangan langsung melonjak kepada 27.564 juta saham RM278.887 juta berbanding 26.736 juta saham bernilai RM188.179 juta sebelumnya.

Sokongan daripada dana tempatan pada lewat petang terhadap saham mewah membantu meningkatkan sentimen pasaran berikutan pengumuman pembentukan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengambil langkah mengembalikan keyakinan terhadap ekonomi.

Telekom naik 40 sen kepada RM7.35, Tenaga Nasional menambah 10 sen kepada RM6.30, Maybank tidak berubah pada RM10.20, Sime Darby meningkat 20 sen kepada RM3.60 dan Genting naik 40 sen kepada RM8.90.

IK dibuka rendah tetapi memantul selepas dua minit urus niaga berlangsung dan mengekalkan tahapnya dalam jam pertama sebelum ia susut ke tahap paling rendah 512.41 mata.

Pemulihan ringgit pada sesi petang berbanding dolar Amerika kerana ia mengesan perkembangan won Korea Selatan dan mata wang serantau, mencetuskan pemulihan di pasaran.

Pada jam 5 petang, mata wang tempatan ditutup pada 3.4750/50 berbanding dolar daripada 3.4940/40 sebelumnya.

Antara kaunter cergas adalah Innovest merosot 56 sen kepada RM1.36, United Engineers meningkat 62 sen kepada RM3.52, Arab-Malaysian Merchant Bank naik lapan sen kepada RM3.52, Magnum menambah sembilan sen kepada RM2.37 dan Commerce-Asset naik 28 sen kepada RM1.95. - Bernama

(END)